



Kenyataan Media

Media Statement

CYBERJAYA

13 Oktober 2018

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat telekomunikasi (telco) untuk mencari penyelesaian kepada beberapa keluhan yang berbangkit susulan pengumuman pakej-pakej jalur lebar talian tetap baharu, beberapa hari yang lalu. Ini termasuk isu perkhidmatan Streamyx dan juga ketidakpuasan pelanggan sedia ada yang tidak menerima manfaat penurunan harga pakej baharu.

Hasil daripada perbincangan tersebut, kesemua pihak telco telah menyuarakan komitmen mereka terhadap usaha kerajaan untuk menawarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi pada harga yang berpatutan. Contohnya, pakej baharu yang ditawarkan oleh TIME secara automatiknya akan dinikmati oleh pelanggan sedia ada. Maxis dan TM pula bercadang untuk menaik taraf perkhidmatan ADSL ke gentian optik secara berperingkat. Manakala Celcom akan meluaskan liputan untuk perkhidmatan jalur lebar tetap pada tahun 2019 melalui kerjasama dengan telco yang lain dan teknologi alternatif.

Kesemua telco juga menyatakan kesediaan mereka untuk membenarkan pelanggan sedia ada yang ingin menikmati penurunan harga untuk beralih ke pakej baharu yang lebih murah. Ini bermakna, pelanggan mempunyai pilihan untuk menikmati sama ada harga yang lebih murah, kelajuan yang lebih tinggi pada harga yang sama atau kedua-duanya sekali.

Pada masa yang sama, MCMC akan terus memantau tindakan yang diambil oleh pihak telco untuk memastikan segala komitmen berkaitan kelajuan dipenuhi menurut terma dan syarat pakej yang dilangani.

- TAMAT -

VERSI BAHASA INGGERIS

The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) has held talks with the telecommunication companies (telcos) towards finding a solution to address the grouses that have been voiced since the new fixed broadband packages were announced a few days ago. This includes issues such as the Streamyx service, as well as the dissatisfaction of existing customers who are unable to benefit from the price reduction offered by the new packages.

Arising from the said discussion, all the telcos have reaffirmed their commitment towards the government's effort to offer high speed broadband services at reasonable prices. For example, existing customers automatically enjoy the new packages offered by TIME. In turn, Maxis and TM plan to upgrade their ADSL service to fibre optics in stages, whilst Celcom will widen its coverage for fixed broadband service in 2019 through collaboration with other telcos and using alternative technologies.

All the telcos expressed their willingness to allow existing customers who wish to enjoy a price reduction to switch to a cheaper new package. This means, a customer has the option of enjoying either a lower price, a higher speed at the same price or both.

At the same time, MCMC will continue to monitor the steps taken by the telcos to ensure that all commitments relating to speed are fulfilled according to the terms and conditions of the subscribed packages.

- END -

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

